



**KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**
Unit Komunikasi Korporat
Aras 2, No. 51, Persiaran Perdana
Presint 4, 62100 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Tel : 03 8891 5564
Faks : 03 8891 5557
Laman Web : www.kpkt.gov.my
Email : media.ukk@kpkt.gov.my
Twitter : @kpkt_gov
Facebook/ : KPKT Malaysia

Rujukan kami : KPKT/BPK/19/7/4 Klt.45 (28)
Tarikh : 14 Oktober 2019

SIARAN MEDIA

KEJAYAAN OPERASI OPS PEMEGANG PAJAK GADAI (PPG) TIDAK BERLESEN

PUTRAJAYA, 18 OKTOBER 2019 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Cawangan Siasatan dan Pemantauan, Bahagian Kawalan Kredit Komuniti menyedari terdapatnya pemegang pajak gadai yang beroperasi tanpa lesen. Justeru, bagi membentaras perkara ini daripada terus berleluasa, tiga serbuan telah dilaksanakan di negeri Johor, Melaka dan Pulau Pinang. Serbuan yang dijalankan antara bulan September dan Oktober ini adalah berdasarkan aduan yang diterima daripada orang awam dan risikan.

Hasil siasatan yang dijalankan mendapati ketiga-tiga premis menggunakan Modus Operandi (M.O) yang sama iaitu:

- i. Barang barang sandaran tidak disimpan di premis tersebut. Ini bertentangan dengan Seksyen 16(2) APPG 1972.
- ii. Pemajak yang ingin menebus sandaran dikehendaki menghubungi premis sehari sebelum hari penebusan.
- iii. Surat pajak gadai tidak diserahkan kepada pemajak bagi mengelakkan aktiviti dikesan oleh pihak berkuasa.
- iv. Kegiatan perniagaan dikaburi dengan mempamerkan papan tanda perniagaan bertulis “**PAJAK**”, “**JUAL BELI EMAS**”, dan “**UPAH SIMPAN**”.
- v. Premis telah beroperasi sejak 3 sehingga 5 tahun.
- vi. Iklan perniagaan yang dipamerkan telah mengaburi/mengelirukan seolah-olah mereka ini mempunyai lesen perniagaan pajak gadai yang sah.

Dalam serbuan tersebut, tujuh individu telah ditahan untuk siasatan lanjut dan antara hasil rampasan dalam operasi tersebut adalah:

1. Wang tunai berjumlah RM 29,384.00;
2. Barang kemas seperti gelang dan rantai emas;
3. Alat penimbang emas;
4. Cecair asid penguji emas;
5. Tiga (3) set komputer pelbagai jenama; dan
6. Surat menyerupai surat pajak gadai.

Siasatan dijalankan di bawah Seksyen 7(2) Akta Pemegang Pajak Gadai 1972 iaitu menjalankan perniagaan pemegang pajak gadai tanpa lesen yang sah. Tiga individu akan dituduh di Mahkamah Majistret yang berkaitan dalam waktu yang terdekat. KPKT akan sentiasa membuat pemantauan secara berterusan mengenai perkara ini.

Orang ramai dinasihatkan sekiranya ingin membuat carian nama pemegang pajak gadai yang berlesen dan didaftarkan di bawah KPKT di Semenanjung Malaysia, maka bolehlah memuat turun aplikasi i-Gadaian. Oleh yang demikian, orang ramai diseru agar dapat memanfaatkan penggunaan aplikasi ini selaras dengan tagline “Jadilah Pemajak Yang Bijak”. Di samping itu, orang ramai juga boleh membuat aduan mengenai urusniaga pajak gadai tidak berlesen dan berlesen kepada KPKT melalui Sistem Aduan Bersepadu yang boleh diakses melalui laman web KPKT iaitu www.kpkt.gov.my.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) yang diterajui oleh YB Puan Hajah Zuraida Kamaruddin terdiri daripada enam Jabatan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata, 6. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan; satu badan berkanun persekutuan iaitu Solid Waste Corporation Malaysia; dan tiga buah agensi iaitu Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PRIMA Malaysia.

*Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan*

*Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my*